

usahawan yang berjaya sepanjang tiga tahun berada di universiti ini.

Sementara itu, salah seorang anak angkat CEDI, Noor Farhana Hassan, berkata dia tidak banyak menyertai program anjuran CEDI tetapi tetap rasa beruntung dan dihargai apabila diberi peluang seumpama ini.

"Saya akan mengambil peluang ini dengan sebaik mungkin untuk mempelajari teknik-teknik berniaga di samping dapat menambah pendapatan sampingan dan selepas ini saya dapat membantu mengembangkan perniagaan kecil-kecilan yang diusahakan oleh ibu," katanya.

Seorang lagi pelajar, Hamada Madeeyoh, 23, pelajar jurusan Teknologi Maklumat, berasal dari Pattani, Thailand berkata, dia sangat gembira apabila dipilih mengikuti program ARUS kerana dia merupakan salah seorang pelajar antarabangsa antara 53 pelajar yang terpilih.

"Dengan mengikuti program ini, banyak ilmu yang diperolehi dan saya akan mempraktikkan segala ilmu ini dengan sebaik mungkin," katanya.

Dalam perkembangan yang sama, CEDI menyerahkan sumbangan cek RM6,360 kepada Pegawai Eksekutif KOSISWA, Cik Wan Ahmad Nizam Cik Wan Ahmad Tajuddin.

Turut diadakan Majlis Sambutan Aidilfitri Mega Raya 1Malaysia anjuran bersama CEDI, KOSISWA, Koperasi UUM dan Koperasi Alumni UUM.

Habis